

03/06/2001

Peletakan jawatan tiada kaitan spekulasi

Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Raihanah Abdullah

KUALA LUMPUR: Keputusan Tun Daim Zainuddin meletakkan jawatan Menteri Kewangan disebabkan beliau ingin meninggalkan dunia politik dan menumpukan perhatian kepada kehidupan peribadi.

"Ia tak ada kena mengena dengan spekulasi yang mengatakan beliau bergaduh dengan Perdana Menteri. Hubungan Daim dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed sangat baik. Malah, Dr Mahathir berasa sedih dengan keputusannya," kata sumber yang rapat dengan Daim memberitahu Berita Minggu, semalam.

Dengan peletakan jawatan yang berkuatkuasa kelmarin, jawatan Menteri Tugas-Tugas Khas dipercayai turut dimansuhkan.

Malah Daim juga mungkin meletak jawatannya sebagai Bendahari Umno dan Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), sebaliknya mengekalkan sebagai Ahli Parlimen Merbok.

Menurut sumber itu lagi, nama pengganti beliau sebagai Menteri Kewangan sudah ada dalam pengetahuan Dr Mahathir, ketika Daim menemui Perdana Menteri untuk menyatakan keputusannya meletak jawatan.

Sebelum ini, Daim turut mengadakan pertemuan dengan pegawai-pegawai kanan Kementerian Kewangan baru-baru ini, bagi menjelaskan alasan beliau membuat keputusan sedemikian.

"Sebenarnya, hasrat Daim meletak jawatan sudah lama iaitu sejak pilihan raya umum lalu, tetapi Perdana Menteri tidak izinkan" kata sumber itu lagi.

Spekulasi Daim akan meletak jawatan, semalam berakhir apabila Perdana Menteri mengesahkan Daim meletakkan jawatan berkuat kuasa kelmarin.

Spekulasi itu mula timbul ekoran ramalan kemungkinan berlakunya rombakan Kabinet selepas Perhimpunan Agung Umno bulan depan.

Ditanya sama ada Daim akan turut meletak jawatannya sebagai Ahli Parlimen Merbok Kedah, sumber itu berkata, Daim tidak akan meletakkan jawatannya sebagai Ahli Parlimen.

Seorang lagi sumber rapat Daim memberitahu, Daim selepas ini, berkemungkinan akan menumpukan perhatian kepada perniagaan dan kawasan parlimennya.

Mengenai khabar angin yang mengatakan pejabat dan rumah Daim diselongkar oleh pihak tertentu, sumber itu berkata: "Ini tidak benar sama sekali. Ia adalah satu khabar angin yang berniat jahat."

Spekulasi Daim, meletak jawatan mula bertiup kencang apabila Dr Mahathir mengumumkan Daim bercuti selama dua bulan atas alasan terlalu letih pada 19 April lalu.

Walaupun bercuti, beliau masih ke pejabat bagi membereskan semua fail pembangunan kecuali tidak menghadiri mesyuarat Kabinet dan Majlis Tertinggi Umno.

Dalam satu sidang akhbar minggu lalu, Daim mengatakan masih terlalu awal baginya membuat keputusan mengenai kedudukannya dalam Kabinet.

Sepanjang cutinya, beliau diwakili Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz dan Kabinet.

Bagaimanapun, kelmarin, Perdana Menteri, menolak spekulasi berhubung peletakan jawatan itu kerana belum menerima surat mengenainya sekembalinya beliau dari menghadiri sidang kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15).

Daim, anak kelahiran Seberang Perak, Alor Setar, Kedah adalah Menteri Kewangan di antara 1984 hingga 1991.

Beliau kembali semula ke Kabinet pada Jun 1998 sebagai Menteri Tugas-

Tugas Khas untuk memulihkan ekonomi negara ketika itu.

Daim kemudian dilantik sebagai Menteri Kewangan pada Januari 1999 selepas pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

(END)